

Perambaan Sama (Peribahasa Bajau) Kota Belud, Sabah: Satu Diskusi

Proverbs (Perambaan Sama) of The Bajau Kota Belud, Sabah: A Discussion

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

ABSTRAK

Peribahasa sudah bertapak lama sebagai salah satu ungkapan lisan yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat. Peribahasa bukan sekadar sebagai ungkapan dan seloka tutur namun, ia turut membayangkan budaya serta pemikiran pengungkapnya. Masyarakat timur yang masih menyimpan dan memegang erat budaya bahasa maka, peribahasa dijadikan cara tersantun untuk memerihal rasa marah, menjadi medium pengajaran dan estetika serta dapat menggambarkan budaya penutur sesuatu bahasa itu. Sebagai salah satu bangsa timur, orang-orang Bajau juga memiliki peribahasa dan menggunakannya dalam kehidupan seharian. Peribahasa dalam bahasa Bajau disebut sebagai perambaan. Melalui perambaan, orang-orang Bajau menggambarkan nilai rasa mereka semasa berinteraksi dengan orang lain. Sesuatu perambaan yang diungkap itu mampu menggambarkan rasa dan inti interaksi yang sedang berlangsung. Tulisan ini menggunakan kaedah etnografi sebagai kaedah penelitian. Kaedah ini mendeskripsi kebudayaan dengan tujuan untuk memahami pandangan hidup daripada kaca mata penduduk asal. Berasaskan satu tinjauan awal di kampung Timbang Dayang, kampung Sembirai, kampung Labuan dan kampung Kulambai, Kota Belud maka, dikongsikan Perambaan Sama Kota Belud agar diketahui bentuk dan perkara-perkara tersirat dalam peribahasa milik orang-orang Bajau. Justeru, perbincangan dalam makalah ini melihat juga nilai positif dan negatif yang tersembunyi di sebalik ungkapan peribahasa berkenaan yang secara tidak langsung memperlihatkan melingkungi kehidupan masyarakat.

Kata kunci: Bajau; peribahasa; budaya; nilai; kearifan lokal

ABSTRACT

The proverb has long been one of the verbal expressions of society. It is not merely an expression, but also implies the culture and the thought of the speaker. A proverb is used as a medium for teaching, a way to express anger, and also to illustrate the culture of the speakers. As one of the people of the East, the Bajau people also has their own proverbial essence. Among the Bajau peoples, proverbs are known as perambaan. It is through the perambaan, the Bajau people describe their sense of value while interacting with others. Using an ethnographic method, this study describes the proverbs of the Bajau based on a preliminary survey conducted at four traditional villages known as Timbang Dayang, Sembirai, Labuan and Kulambai in Kota Belud. The study discovered numerous positive and negative values hidden behind the proverbial phrase which indirectly reveals the life of the Bajau community.

Keywords: Bajau; proverb; culture; value; local wisdom

PENDAHULUAN

Menjadi ahli sesebuah kumpulan etnik tidak bermakna setiap ahlinya secara automatik mengetahui dan mempunyai latar pengetahuan terhadap setiap inci budaya yang didukung oleh kumpulan etnik berkenaan. Sebagai misalan, seorang individu yang lahir dalam keluarga berbangsa Iranun namun tinggal di kawasan bandar dan sekitaran kediamannya didominasi oleh masyarakat pelbagai bangsa. Individu itu pula dibesarkan dalam suasana moden di bandar, serta tidak mengamalkan atau melaksanakan aktiviti

berlandaskan budaya Iranun, maka pengetahuan budaya Iranun sangatlah sedikit atau langsung tidak ada dalam diri individu berkenaan. Konteks sedemikian tidak memungkinkan individu itu menguasai budayanya. Oleh yang demikian, budaya itu merupakan hal yang dipelajari. Proses pembelajaran itu bermula seawal usia dan berterusan sepanjang hayat seseorang itu. Memandangkan inti budaya itu sangat besar dan banyak maka, tidak semua ahlinya mahu mempelajari apatah lagi mewariskan salah satu inti budaya kepada ahli lain. Justeru, tidak menghairankan pada hari ini, banyak inti budaya yang sudah memudar dan hilang

bersama perginya generasi tua yang menjadi pewaris tegar budaya. Generasi muda yang telah menerima pendidikan biasanya akan mulai meminggirkan pentingnya inti budaya, keadaan itu diburukkan lagi dengan kemajuan teknologi yang seolah-olah menganggap budaya merupakan suatu hal yang remeh. Kesannya generasi muda yang sepatutnya menjadi pewaris budaya semakin mengambil mudah dan langsung tidak mahu mengendahkan hal-hal yang berkait budaya. Salah satu peminggiran dan penghilangan yang semakin dirasai terhadap inti budaya adalah peribahasa.

Peribahasa dalam sesebuah budaya masyarakat menjadi repositori yang mendokumentasi kearifan pendukungnya. Ahli-ahli sesebuah kumpulan budaya biasanya merupakan pengamat yang baik sehinggakan setiap pengamatan mereka itu dirakam dan dijalin semula ke dalam kehidupan yang membentuk peribahasa yang kemudiannya dijadikan sebagai medium teguran secara halus kepada ahli-ahli lain dalam masyarakat masing-masing. Ketajaman minda pencipta peribahasa itu perlu dikagumi kerana tidak semua individu dalam sesebuah kumpulan budaya mampu mencipta peribahasa dan, disebabkan itulah maka tidak diketahui pencipta sebenar kepada setiap peribahasa yang berlegar dalam mana-mana kumpulan etnik atau budaya. Dengan demikian, peribahasa kekal berdiri dalam acuan budaya yang secara tidak langsung mampu memerihail keadaan dan konteks dalam masyarakat pendukung.

PERMASALAHAN: TERSEMBUNYI DAN DIPINGGIRKAN

Pengalaman memahami nilai dan norma budaya pada setiap daripada kita tidak sama. Untuk benar-benar tahu, memahami dan mengenali nilai dan norma budaya bukanlah satu proses pengisahan sehari semalam sebaliknya, ia memerlukan satu proses pembelajaran seumur hidup setiap anggota pendukung budaya berkenaan. Honigmann (1959) telah membezakan gejala kebudayaan kepada tiga jenis, iaitu (i) kebudayaan wujud sebagai suatu kompleks daripada idea-idea, gagasan, nilai-nilai, norma-norma, peraturan dan sebagainya; (ii) kebudayaan wujud sebagai suatu kompleks aktiviti serta tindakan berpola daripada manusia dalam masyarakat; dan (iii) kebudayaan wujud sebagai benda-benda hasil daripada karya manusia. Justeru, tidak menghairankan jika masyarakat

tradisi merupakan kelompok manusia yang sering menanggapi alam sekitar dengan daya imaginatif yang tinggi. Sebarang kejadian dan peristiwa yang berlaku dinilai dan di tafsir sebaiknya agar, pengajaran daripada peristiwa berkenaan dapat difahami dengan bijak dan diaplikasi ke dalam kehidupan bermasyarakat. Biasanya setiap masyarakat memiliki genre dan hasil pemikiran kreatif ahlinya yang disimpan dalam pelbagai bentuk kemahiran sama ada, kemahiran berbentuk budaya benda mahupun kemahiran lisan. Memandangkan peribahasa itu merupakan hasil karya manusia maka, pastilah ia digunakan sebagai medium untuk menyampaikan sesuatu perkara kepada ahli-ahli masyarakat lain.

Peribahasa sudah wujud berzaman-zaman lamanya. Peribahasa didefinisikan sebagai ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidal, pepatah (Kamus Dewan 2005). Tradisi lisan seperti peribahasa, diwarisi secara turun-temurun merupakan hak milik masyarakat yang digunakan secara meluas. Setiap peribahasa yang dihasilkan bertujuan untuk mendidik masyarakat dengan norma-norma sosial dan nilai-nilai moral yang terkandung di dalamnya supaya, ia dapat menjadi pegangan bagi setiap anggota masyarakat. Peribahasa dihasilkan melalui ilham yang tercetus akibat pengamatan dan tafsiran masyarakat silam terhadap alam persekitaran yang memperlihatkan ciri-ciri yang bertepatan dengan sifat manusia. Alam persekitaran dan keadaan sekeliling merupakan sumber inspirasi dan dijadikan simbol dalam sesuatu peribahasa. Masyarakat lama bijak menggabungkan ciri-ciri yang terdapat pada alam dan keadaan sekeliling dengan sesuatu simbol untuk mengiaskan sesuatu perkara. Oleh yang demikian, simbol yang terdapat dalam peribahasa tidak boleh ditafsirkan secara harfiah dan memerlukan pemahaman serta pentafsiran yang mendalam daripada pelbagai sudut makna untuk menggarap makna sebenar sesuatu peribahasa dengan baik.

Kemahiran dan kekreatifan ahli-ahli mana-mana masyarakat melambangkan tajamnya deria fikir dan deria rasa yang dibaurkan sebaik mungkin dengan latar kehidupan mereka. Kemahiran seumpama ini tidak diperoleh daripada pendidikan moden sebaliknya, ia dipelajari secara berkala, yakni seseorang itu memerlukan daya tanggap yang tinggi dengan memerhati, meneliti serta mentafsir setiap kejadian sebaik mungkin. Kesemua hal tersebut turut memerlukan bantuan nilai, norma, jati diri

serta budaya yang melatari hidup seseorang itu. Melalui peribahasa, pelbagai nasihat, petua, amanah dan pesan-pesan moral yang berisi nilai-nilai luhur agama, budaya serta norma-norma sosial yang dianut masyarakat disampaikan kepada generasi berikutnya. Pelbagai ketentuan adat dan tradisi juga turut diturunkan dalam bentuk peribahasa. Hal ini membuktikan bahawa di dalam setiap peribahasa terpancar *welstanchauung*, falsafah dan nilai masyarakat pendukung. Kewujudan peribahasa membuktikan bahawa ia merupakan suatu wahana penting yang memberi kesan positif dalam menyampaikan mesej-mesej tertentu. Namun demikian, dalam kehidupan masa kini, kebanyakan anggota masyarakat tidak lagi sehati dengan peribahasa dan kurang menggunakan peribahasa dalam kehidupan seharian. Amalan penggunaan peribahasa pula sudah semakin kurang dititikberatkan.

Tanpa sedar kajian peribahasa khususnya tentang aspek fungsinya sebagai gambaran minda dan kesarjanaan Melayu, kandungan nilai, pandangan hidup, kepercayaan dan pengetahuan menunjukkan aspek peribahasa ini mempunyai isu yang menarik untuk diketengahkan. Walau bagaimanapun, persoalan tentang sejauh mana sesuatu peribahasa itu dapat difahami dan diinterpretasi oleh pembaca atau pendengar nyata masih belum dikaji secara meluas dan mendalam. Justeru, salah satu peranan para guru adalah mengetengahkan cara untuk menginterpretasi maksud tersirat khusus dalam peribahasa bahasa Melayu. Jika hal ketersiratan makna peribahasa ini tidak dapat dicungkil oleh para guru maka, dijangkakan persoalan ketersiratan makna aspek bahasa lain yang lebih kompleks juga tentunya tidak dapat dicerakin dengan baik. Hal ini tentunya akan membantutkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang menuntut pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Untuk maksud perbincangan ini, peribahasa Bajau dipilih kerana pada hemat pengkaji, seseorang yang ingin mengkaji budaya perlu tahu bahasa masyarakat pendukung dan secara tidak langsung juga perlu mengetahui serta mempelajari peribahasanya. Hal ini kerana peribahasa yang dihasilkan bukan sahaja mencerminkan budaya dan tatususila orang Bajau tetapi, juga kebijaksanaan mereka yang terselindung di sebalik pengungkapan peribahasa. Setiap tradisi lisan pastilah memiliki kebijakan tradisi yang tidak mampu diwariskan secara langsung sebaliknya, semua kebijakan

tradisi yang tersimpan dalam karya lisan itu perlu dipelajari oleh generasi mudanya. Namun, pada era moden kini, kebanyakan generasi muda sudah terolah dan bergabung dengan teknologi moden yang menyebabkan mereka mengabaikan dan menidakkan kepentingan karya tradisi. Semua bentuk karya tradisi sama ada secara lisan mahupun bukan lisan ditanggap sebagai suatu perkara/benda yang lapuk dan tidak perlu dihiraukan kerana ia dianggap tidak seiring dengan kemajuan zaman.

KERJA LAPANGAN

Tulisan ini menggunakan kaedah etnografi sebagai kaedah penelitian. Kaedah ini mendeskripsi kebudayaan untuk memahami pandang dunia pendukung sesebuah budaya itu serta diusahakan satu pemahaman mengenai budaya berkenaan berlandaskan kaca mata pendukungnya. Dengan demikian, penelitian ini merupakan penelitian lapangan. Data dikumpulkan secara temu bual mendalam (*indepth interview*) dan bersahaja, yakni informan diajak berbual tanpa topik khusus agar mereka berasa santai dan secara tidak langsung data peribahasa dapat disampaikan tanpa tekanan. Sebenarnya, tiada sebarang kerja lapangan terancang untuk mengumpulkan perambaan ini. Perambaan ini telah dikutip secara spontan dalam perbualan atau interaksi yang tidak terancang. Kesemua perambaan ini dikumpulkan secara perlahan-lahan dalam pelbagai konteks dan dilaksanakan secara tidak langsung. Misalnya, perbualan santai dan tidak berstruktur semasa kenduri-kendara, acara perkahwinan, dan majlis memperingati kematian, yakni proses pengumpulannya dilakukan secara sangat perlahan dan mengambil tempoh masa yang agak panjang, iaitu selama setahun.

Sebanyak 86 perambaan berhasil dikutip dengan mengambil kira tiada sebarang tekanan dan 'paksaan berfikir' kepada responden terlibat kerana, tradisi lisan bukanlah suatu tindakan yang datang dengan paksaan. Dalam keadaan ini, tiada sasaran responden ditentukan. Namun, terdapat beberapa kampung terlibat semasa setiap konteks interaksi berlangsung, yakni Kampung Timbang Dayang, Kampung Labuan, Kampung Sembirai dan Kampung Kulambai yang terletak dalam daerah Kota Belud, Sabah. Rakaman dibuat dengan hanya menggunakan telefon bimbit sahaja kerana, kerja lapangan ini hanya bermaksud dilakukan secara

tinjauan awal semata-mata namun, data yang terkumpul agak memuaskan.

ULASAN KOSA ILMU

Kajian penggunaan peribahasa daripada segi fungsi, tujuan dan sebagai gambaran minda Melayu memang agak banyak dikaji di Malaysia. Beberapa kajian awal telah dilakukan tentang peribahasa misalnya oleh Aripin (1992, 1993), Indirawati (1998), Mohd Radzi (1999), Lim (2003) dan Lokman (2004) rata-rata membincangkan fungsi peribahasa dalam masyarakat Melayu, peribahasa sebagai gambaran minda ataupun cerminan pemikiran dan kesarjanaan Melayu serta pengkategorian peribahasa berdasarkan binaan dan fungsi peribahasa yang tertentu. Kajian oleh Ahmad Fuad dan Zaitul Azma (2010) pula mengetengahkan jenis-jenis peribahasa Melayu yang menonjolkan aspek nilai dan pemikiran Melayu serta penggunaan bahasa yang tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu untuk menyampaikan mesej. Aspek nilai dan pemikiran yang terkandung dalam peribahasa ini dipaparkan mengikut 16 nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Kepentingan peribahasa ini juga diperlihatkan dalam kajian Rozaimah dan Noriza (2009) yang mengkaji bentuk perlambangan yang digunakan untuk melambangkan imej lelaki dan wanita dalam peribahasa Melayu berdasarkan teori relevans. Imran Ho (2011) pula membincangkan mekanisme kognitif yang membolehkan manusia membentuk peribahasa melibatkan haiwan daripada sudut linguistik kognitif. Kerangka Ibañez-Moreno (2005) dalam (Imran Ho 2011), digunakan untuk menganalisis peribahasa Melayu bersumberkan anjing dengan melakukan pemetaan mandala sumber dan sasaran berdasarkan metafora dan metonimi. Kajian oleh Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi (2013) yang menggunakan kerangka etnografi komunikasi mengetengahkan peribahasa yang berkaitan dengan haiwan untuk menjelaskan perlambangan positif dan negatif dalam peribahasa Melayu.

Selanjutnya, Hishamudin et al. (2014) melihat perubahan makna darah dalam peribahasa Melayu berdasarkan pendekatan linguistik korpus. Kajian ini menunjukkan perubahan domain makna bagi darah. Data ini juga memperlihatkan kebijaksanaan dan ketajaman akal budi Melayu melalui peribahasa dalam berbahasa. Kajian oleh Nor Hashimah dan Junaini pada tahun 2010 pula mengkaji aspek

penghayatan peribahasa dalam kalangan remaja. Kajian ini menunjukkan bahawa lebih daripada 60 peratus pelajar remaja gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik. Seterusnya pada 2016, Junaini, Nor Hashimah dan Wan Nurasikin sekali lagi menyentuh aspek peribahasa. Dalam kajian itu, mereka menjelaskan makna tersirat di sebalik peribahasa yang mengandungi unsur ikan dan mengungkapkan serta menghuraikan falsafah dan akal budi Melayu tentang ikan daripada perspektif semantik inkuisitif.

Bahasa kiasan atau *Siriban* turut dimiliki oleh orang-orang Kadazandusun yang disampaikan secara lisan oleh orang-orang tua. *Siriban* merupakan bahasa kiasan yang menyelitkan *poimukadan* atau peribahasa semasa digunakan. Ia merupakan kiasan yang sarat dengan falsafah dan memerlukan penutur-pendengar memahami dengan baik. Dalam *siriban* turut terkandung nilai-nilai pendidikan yang bertujuan untuk membentuk nilai-nilai baik dan positif kepada generasi muda Kadazandusun, malah ia turut secara tidak langsung memaparkan akal budi masyarakat pendukungnya (Rosliah et al. 2017).

PERAMBAAN SAMA

Peribahasa merupakan kelompok kata/ayat yang tetap susunannya dan dinyatakan suatu maksud tertentu (ke dalam peribahasa termasuk bidalan, ungkapan, perumpamaan). Ungkapan atau ayat-ayat ringkas dan padat berisi perbandingan, perumpamaan dan nasihat, prinsip hidup atau aturan tingkah laku. Ungkapan berbeza digunakan dalam peribahasa melalui ciri gabungan kata. Ungkapan dan peribahasa dapat pula difahami daripada segi isi dan ia padat, berupa nasihat dan prinsip hidup atau aturan tingkah laku yang memiliki nilai. Fungsi peribahasa, seperti juga tradisi lisan, pada umumnya banyak, yakni sebagai sistem cerminan, sebagai alat pengesahan kepada adat istiadat dan perilaku sosial serta lembaga kebudayaan, sebagai alat pendidikan anak, dan sebagai alat pemaksa serta pengawal norma-norma masyarakat agar selalu dipatuhi (Bascom 1965). Peribahasa juga merupakan alat komunikasi, terutama dalam hal mengekang anggota masyarakat (*social control*), yang secara konkrit untuk mengkritik seseorang yang telah melanggar norma kerana dengan penggunaan peribahasa, seseorang individu itu mudah menerima teguran dan secara langsung kena pada sasarannya berbanding dengan celaan langsung. Peribahasa juga dikatakan

berfungsi sebagai alat untuk mendapat pengiktirafan/penghormatan daripada anggota masyarakat kerana individu itu mampu menggunakan ungkapan berlapis dengan baik.

Peribahasa sebenarnya merupakan kelompok kata yang tetap susunannya dan biasa dikiaskan dengan suatu maksud tertentu (Poerwadarminta 1976). Ia menyatakan suatu maksud daripada hasil aktiviti manusia dengan nilai yang baik, atau buruk, atau secara generik (neutral). Manusia selalu berhadapan dengan realiti di luar dirinya tetapi realiti itu hadir dan muncul dalam fikiran manusia melalui medium bahasa yang khas. Sejajar itu, pandang dunia seseorang dan juga suatu masyarakat itu juga ditentukan oleh bahasa pertama mereka (Slobin 1996). Sementara itu, penekanan terhadap struktur bahasa yang diungkapkan oleh penutur turut menentukan persepsi penutur terhadap dunia dan realiti yang sebenar (Jufrizal, Zul Amri & Refnaldi 2007). Djamaris (1985 & 2002) pula menjelaskan bahawa peribahasa bersifat universal, berlaku untuk semua orang dan segala zaman, sesuai kondisi dan situasi peribahasa itu digunakan. Sesebuah peribahasa selalu mengandungi makna kias yang dalamnya dapat berupa nasihat, sindiran halus, pujian dan, turut digunakan sebagai bahasa diplomasi. Melalui peribahasa, persepsi dan pemikiran penutur tentang kepimpinan, jasa atau budi baik manusia dan pendidikan terhadap anak-anak terpancar misalnya dalam peribahasa yang berikut.

1. Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah.
2. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.
3. Melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Perkaitan antara peribahasa dengan unsur alam sekeliling membuktikan bahawa bahasa yang dituturkan itu bukanlah fosil yang boleh dipisahkan daripada konteksnya sama ada melalui alam semula jadi atau alam pemikiran penuturnya sebaliknya, ia merupakan fenomena persekitaran yang menghasilkannya. Dengan demikian, pernyataan hipotesis Sapir-Whorf ada benarnya yang menjelaskan bahawa bahasa ditentukan oleh cara penutur itu berfikir. Dengan lain perkataan, peribahasa yang dicipta dan diungkapkan oleh bangsa Melayu didapati sesuai dengan konteks dan maknanya malah, ia sering dipengaruhi oleh latar budaya penuturnya.

Sebagaimana fungsi peribahasa kepada setiap pendukungnya, maka hal yang sama juga dalam

konteks orang Bajau. Dalam bahasa Bajau, peribahasa dikenali sebagai *perambaan*, bermaksud untuk menyebut peribahasa Bajau, maka istilah yang digunakan adalah *perambaan sama*. Tidak mudah mengesan penggunaan *perambaan* dalam interaksi dan perbualan orang-orang Bajau. Ia hanya digunakan secara tidak langsung dan dikaitkan dengan konteks-konteks tertentu dalam interaksi misalnya sebagai kaedah untuk menyindir atau menegur secara sopan, serta salah satu kaedah pengajaran nilai secara tidak langsung kepada generasi muda Bajau. *Perambaan sama* biasanya mempunyai mesej yang disampaikan secara tersirat. Setiap penutur *perambaan* perlu tahu menggunakannya secara betul kerana setiap *perambaan* itu mengandungi nilai dan norma yang perlu dihayati oleh setiap penuturnya.

PERAMBAAN BERELEMEN POSITIF

1. buat somo-somo baba' ti, lampung somo-somo taing ti

terjemahan bebas: berat sama-sama kita pikul, ringan sama-sama kita jinjing
maksud: sesuatu pekerjaan yang dilakukan bersama sama ada kerja yang berat atau mudah akan mempermudah banyak hal.

2. somo kerso

terjemahan bebas: sama-sama merasa
maksud: hasil yang dirasakan bersama

3. anak kinalasahan

terjemahan bebas: anak emas
maksud: anak yang sangat disayangi

4. pipit bisu mangan ta' uran

terjemahan bebas: pipit bisu makan dalam hujan
maksud: seseorang yang sangat rajin

5. kabar tiyo pekale-kale, amun sikot pinikiran

terjemahan bebas: khabar jauh didengar-dengar, jika dekat difikirkan
maksud: setiap perkara perlu diselidiki kebenarannya

6. *nia' kuning teh le' kunyit*
 terjemahan bebas: tidak kuning teh oleh kunyit
 maksud: seseorang yang tidak mudah dihasut
7. *dikau' manuk nia' bekua', lou nia' lou*
 terjemahan bebas: seekor ayam tidak berkokok, siang tidak siang
 maksud: bukan seorang sahaja yang pandai dalam sesebuah kumpulan dan bukan disebabkan seorang kerja ditangguhkan
8. *dokon mas boi ginusuk*
 terjemahan bebas: seperti emas sudah digosok
 maksud: memuji kecantikan seorang wanita
9. *betis ngelawan massomo, buwa' telanjur massomo*
 terjemahan bebas: kaki melawan bersama-sama, mulut terlanjur bersama-sama
 maksud: apabila memberi janji perlu ditunaikan agar tidak mempunyai masalah kelak
10. *anak boyo nia' paya diajar remangi*
 terjemahan bebas: anak buaya tidak perlu diajar berenang
 maksud: orang yang sudah pandai tidak perlu diajar
11. *amun ai no ni enselan, baya' ni ngelut*
 terjemahan bebas: jika sudah diminyakkan biarkan ia licin
 maksud: berbuat sesuatu biarlah sampai menuju maksudnya
12. *ulu badi', ulu kapak, asal pantak, parak*
 terjemahan bebas: ulu parang, ulu kapak, asal dihentak akan pecah
 maksud: di mana-mana sekalipun boleh hidup
13. *somo-somo pedua' ta' biduk, buwau semimon*
 terjemahan bebas: sama-sama duduk dalam perahu, semua karam
 maksud: senang-susah dapat dirasai bersama
14. *kekuri api ngeletup, kekuri buwe' base'*
 terjemahan bebas: bermain api meletup, bermain air basah
 maksud: setiap perbuatan mempunyai risiko
15. *api matai rai panjut boro ni*
 terjemahan bebas: api mati telah dicekik oleh baranya
 maksud: semuanya telah musnah tanpa apa-apa pun yang tinggal
16. *jomo ligantu binuanan buas, jomo to' kelong binuanan buwe'*
 terjemahan bebas: orang lapar diberi nasi, orang dahaga diberi air
 maksud: seseorang yang telah mendapat pertolongan yang sangat dinanti-nantikan
17. *gulai ta' diyom buwa', ding ta' diyom belanga'*
 terjemahan bebas: sayur di dalam mulut, ikan di dalam belanga
 maksud: sesuatu perkara/kemahiran telah dikuasai oleh diri sendiri.

Elemen positif yang terpapar dalam perambaan Bajau itu mencerminkan dua perkara berikut, iaitu (i) kearifan tempatan; dan (ii) nilai dalam dalam budaya Bajau. Kedua-dua perkara tersebut mampu diselami dengan pengamatan tinggi melalui perambaan. Sebagaimana penutur tradisi lisan lain di seluruh dunia, budaya lisan Bajau juga mendukung perkara-perkara tersirat yang mereka lalui setiap hari, sama ada pengamatan melalui tingkah laku manusia mahupun melalui tutur kata. Kesemua perkara itu kemudiannya di refleksi semula ke dalam perambaan.

Kearifan tempatan yang disembunyikan dalam perambaan menunjukkan yang generasi tua Bajau sangat bijak menyembunyikan kemahiran mengenali perilaku individu lain yang bersosial dalam masyarakat. Misalnya, perambaan berbunyi "*nia' kuning teh le' kunyit*" [tidak kuning teh oleh kunyit] dan "*pipit bisu mangan ta' uran*" [pipit bisu makan dalam hujan]. Kedua-dua contoh perambaan tersebut mencerminkan pengamatan orang-orang tua Bajau tentang perilaku seseorang yang tidak mudah terpengaruh dalam apa juga cabaran kehidupan. Individu Bajau yang tidak mudah melatah di tanggap

sebagai insan yang boleh dicontohi dan menjadi teladan kepada orang lain khusus merujuk ke konteks pergaulan harian. Individu yang mudah terpengaruh sering menggunakan emosi dan tidak menggunakan akal fikir dengan sebaiknya. Justeru, perambaan “*nia’ kuning teh le’ kunyit*” itu secara tidak langsung memperlihatkan ketajaman minda dan mengambil contoh daripada perkara-perkara di sekitaran untuk menegur perbuatan yang tidak elok dalam masyarakat. Hal serupa untuk perambaan “*pipit bisu mangan ta’ uran*” yang memperlihatkan kerajinan dan kecekalan individu yang tidak menghiraukan rintangan yang dihadapi. Tanpa perlu bercakap banyak atau bersuara kerja yang dilaksanakan mampu diselesaikan dengan baik. Demikian maksud perambaan berkenaan yang memapar individu yang tidak banyak bercakap namun, rajin menyiapkan kerja-kerja yang diberi kepadanya. Mencari dan menjadi insan sedemikian sifatnya agak sukar dalam masyarakat. Oleh yang demikian, contoh itu dirujuk sebaik mungkin kepada individu yang mempunyai keupayaan menyiapkan kerja dengan baik tanpa perlu menghebahkan kepada orang lain. Ia merupakan satu aspek positif dalam kehidupan yang perlu diterapkan sebagai salah satu nilai baik.

Meskipun demikian, orang-orang Bajau juga mempunyai perambaan khusus yang sifatkan negatif yang merujuk kepada perlakuan negatif juga sebagaimana berikut.

PERAMBAAN BERELEMEN NEGATIF

1. dokon pa’ media’ ungut

terjemahan bebas: Seperti katak di bawah tempurung
maksud: seseorang yang tidak mengetahui keadaan/cerita sebenar

2. dokon bengkutut dembila’ batu

terjemahan bebas: seperti udang di sebelah batu
maksud: seseorang yang mempunyai niat lain

3. amun ngampa’ dong sampai tatak parai ni

terjemahan bebas: kalau membuang hampa jangan sampai jatuh padinya
maksud: sesuatu masalah perlu ditangani dengan baik tanpa menafikan kebaikan/perkara positif yang telah dilakukan oleh seseorang itu.

4. subai bekat buwe’ tinigad, baru no kiti bekat bedinakan

terjemahan bebas: jika putus air dicincang, barulah kita putus bersaudara
maksud: hubungan saudara itu tidak akan terputus walau apa pun masalah yang melanda.

5. anak kungsi’ raat, tumpa’ durhaka

terjemahan bebas: anak kunci jahat, mangga derhaka
maksud: jika suami jahat, isteri akan khianat juga. Suatu perbuatan salah/jahat yang dibalas dengan kesalahan/kejahatan juga, yakni menjadi ikutan orang lain yang melihat.

6. kuro-kuro enjata’ kayu

terjemahan bebas: kura-kura di atas pokok
Maksud: orang bodoh yang tidak dapat melepaskan diri daripada masalah.

7. dokon kambing ngeret ta’ buwe’ jo

terjemahan bebas: seperti kambing ditarik ke dalam air
maksud: seseorang yang tidak suka dipaksa berbuat sesuatu.

8. uwa’ nguma nia’ ngeket

terjemahan bebas: anjing menyalak tetapi tidak menggigit
maksud: suatu ancaman yang tidak berbahaya

9. kale siulan memanuk, anak ta’ kandungan teleba

terjemahan bebas: mendengar siulan burung, anak dalam gendongan terjatuh
maksud: seseorang melepaskan kerja apabila mendengar kata-kata orang lain.

10. melid-melid mayat ta’ diyom kubur

terjemahan bebas: membelek-belek mayat di dalam kubur
maksud: perilaku memperkatakan kesalahan orang yang telah mati

11. nia' lagi run impon, rai no ingin ngeket
 terjemahan bebas: belum lagi mempunyai gigi, sudah ingin menggigit
 maksud: seseorang yang belum mempunyai kuasa tetapi sudah mula bertindak.
12. ruma' buuk nesaat bau
 terjemahan bebas: rumah buruk dicat baru
 maksud: seseorang yang berusia lanjut tetapi beraksi seperti anak dara/muda.
13. pinda ta' embuli' papan
 terjemahan bebas: berpindah ke belakang papan
 maksud: telah meninggal dunia
14. tebiat dari diki', teboo sampai lali
 terjemahan bebas: perangai dari kecil terbawa sehingga lali
 maksud: memerihal perangai/tabiat seseorang yang bermula dari kecil akan kekal sehingga tua.
15. terati nu kepayas mana ngini lagi sudu'-sudu' nu
 terjemahan bebas: sudah diketahui buah betik masak mengapa lagi kamu cucuk-cucuk.
 maksud: perbuatan seseorang yang suka mengadu-adu atau memprovokasi. Misalnya, sudah tahu yang seseorang itu sudah mempunyai tetapi masih diusik juga.
16. dokon sumbu keabisan enselan
 terjemahan bebas: seperti sumbu kehabisan minyak
 maksud: seseorang yang telah kehilangan seri.
17. uwa' bino mangan buas nia' so
 terjemahan bebas: anjing diberi makan nasi tidak kenyang
 maksud: perbuatan yang sia-sia, yakni memberi nasihat yang baik kepada orang jahat.
18. buwa' kana, torom pedembila'an
 terjemahan bebas: mulut kana, tajam di kedua-dua belah
- maksud: seseorang yang suka/pandai melagakan orang lain.
19. tuturan lanjjang, belanga iram
 terjemahan bebas: kata-kata periuk, belanga hitam
 maksud: seseorang yang suka mengutuk/mengata-keburukan orang lain sedangkan keburukan diri sendiri lebih teruk.
20. betutur nia' ngenda' bese' olos
 terjemahan bebas: bercakap tanpa melihat kain koyak
 maksud: seseorang yang suka bercakap tentang keburukan orang lain tanpa melihat keburukan diri sendiri.
21. nia' dun ba', nia' dun kelumbubut
 terjemahan bebas: tidak daun *ba'* (sejenis penyakit), tidak daun *kelumbubut* (sejenis penyakit),
 maksud: persamaan antara orang yang mengata dan orang yang sedang diperkatakannya
22. ingor dokon ko' buwa' bambak
 terjemahan bebas: bising seperti mulut bambak [sejenis burung berwarna hitam-putih].
 maksud: seseorang yang suka bercakap banyak.
23. ajar-ajar tempurung niajar makin surung
 terjemahan bebas: ajar-ajar tempurung semakin diajar semakin bodoh.
 maksud: perbuatan mengajar seseorang secara berkali-kali tetapi semakin tidak pandai.
24. alap-alap meluar
 terjemahan bebas: baik-baik di luar
 maksud: perilaku yang ditunjukkan oleh seseorang secara luaran sahaja, yakni pernyataan sikap seseorang yang tidak benar/palsu.
25. siyan dau siyan demburu
 terjemahan bebas: siapa dulu siapa kemudian
 maksud: peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap orang, yakni mendahulukan orang yang sudah sedia di hadapan dan sebaliknya.

26. mena' duyung pengerandang duyung

terjemahan bebas: lemak duyung penggoreng duyung.

Maksud: perbuatan seseorang yang mengguna semula milik sendiri untuk keperluannya. Misalnya, seseorang perempuan yang meminta hantaran yang tinggi untuk perkahwinannya namun, lelaki tidak mampu mengeluarkannya maka, perempuan itu membantu lelaki berkenaan mengeluarkan jumlah hantaran itu.

Manusia sentiasa berhadapan dengan cabaran dan dugaan hidup yang memerlukan daya tahan sama ada daripada aspek mental ataupun fizikal. Konteks sedemikian memerlukan setiap individu memecahkan dan mengatasi masalah sebaik mungkin, sama ada dengan bantuan orang lain ataupun atas keberanian diri sendiri untuk menentukan sikap atau pendirian. Sehubungan itu, orang-orang tua Bajau sering memerhati tingkah laku serta sikap setiap individu dalam kelompoknya sama ada mereka beraksi secara positif ataupun negatif. Dalam setiap perbuatan dan tingkah pasti ada yang bersifat negatif dan membawa ketidakselesaan individu lain dalam hidup bermasyarakat maka, hasil pemerhatian itu menimbulkan ungkapan peribahasa yang bertujuan menyampaikan pesan secara tersirat.

Berasaskan cara berlapis atau tersembunyi melalui medium peribahasa maka, sindiran dan teguran disampaikan tanpa menyinggung pendengar secara nyata. Justeru, penciptaan perambaan berunsur negatif itu merupakan satu proses pengamatan tinggi berasaskan elemen alam sekitar serta tindak-tanduk haiwan di sekitar hidup orang-orang Bajau. Penerapan elemen alam dan sekitarnya membolehkan perambaan dijalin baik dan disampaikan secara spontan tanpa menyakitkan hati lawan tutur namun, pengajaran masih tersisip di dalamnya.

KEARIFAN DAN NILAI TERSIRAT DI DALAM PERAMBAAN

Tidak ramai orang yang memahami nilai-nilai yang umumnya bersifat abstrak atau membezakan nilai dengan norma. Apakah yang dimaksudkan dengan nilai? Nilai ialah idea-idea tentang perkara yang baik, benar dan adil. Nilai sebenarnya menjadi salah satu unsur dasar pembentukan orientasi budaya,

nilai melibatkan konsep budaya yang menganggap sesuatu itu sebagai baik atau buruk, benar atau salah, adil atau tidak adil, cantik atau hodoh, bersih atau kotor, berharga atau tidak berharga, sesuai atau tidak, dan baik atau kejam (Rokeach 1979). Meskipun nilai tidak selalu menggambarkan perilaku dalam suatu budaya namun, nilai dapat menjelaskan sebab kita melakukan sesuatu perkara itu. Nilai sebenarnya dapat dianggap sebagai bahagian yang tersembunyi daripada kebudayaan.

Banyak pendapat yang diberikan tentang nilai antaranya pandangan lain yang mendukung bahawa nilai itu termasuk ke dalam pilihan tingkah laku manusia yang berkait dengan perkara baik dan buruk (Pepper 1958). Pendapat lain tentang nilai berkait dengan manusia itu sendiri, yakni sebagai subjek. Pendapat itu dikemukakan oleh Perry (1954) yang menjelaskan bahawa nilai adalah suatu subjek yang menarik bagi manusia. Pendapat ini menyatakan bahawa manusia itu sendiri yang menentukan nilai, dan manusia merupakan pelaku (penilai) daripada kebudayaan yang berlaku pada zamannya.

Kualiti nilai pula dapat difahami secara bervariasi, iaitu (i) nilai yang memiliki konsepsi mendalam, bukan hanya sekadar emosi/sensasi/kebutuhan. Dalam hal ini, nilai dianggap sebagai abstraksi yang ditarik daripada pengalaman seseorang; (ii) nilai yang berkait dengan pengertian yang memiliki unsur emosi (diungkap sebagai potensi); (iii) nilai yang bukan bertujuan konkrit daripada tindakan, tetapi memiliki hubungan dengan tujuan (seseorang akan berusaha mencapai suatu tujuan yang menurut pandangannya memiliki tujuan); (iv) nilai merupakan unsur penting dan tidak dapat diperlekehkan/diabaikan oleh orang yang bersangkutan, nilai dalam kenyataan itu berhubung dengan pilihan sebagai prasyarat semasa bertindak (lihat Williams 1972; Soelaeman 1988).

Seyogianya, nilai yang diungkap merupakan sesuatu yang dipentingkan manusia sebagai subjek, yang berkait dengan segala sesuatu yang baik dan yang buruk sebagai abstraksi, pandangan atau maksud daripada pelbagai pengalaman dengan pilihan perilaku yang ketat. Sistem nilai budaya merupakan nilai inti (*core value*) dalam masyarakat. Nilai inti ini diikuti oleh setiap individu/kelompok. Nilai itu biasanya dijunjung tinggi sehingga menjadi salah satu faktor penentu dalam berperilaku. Sistem nilai itu tidak tersebar secara sembarangan tetapi, ia mempunyai hubungan timbal balik yang menjelaskan adanya tata tertib dalam suatu masyarakat. Ia biasanya ia difahami

secara universal. Kerana itu, suatu sistem nilai budaya berfungsi sebagai pedoman untuk manusia bertingkah laku.

Sehubungan itu, pastilah setiap bangsa mempunyai kearifan pengetahuan yang tersembunyi dalam gerak laku dan peri lisan anggotanya. Ia hanya difahami dan diketahui ahlinya sehinggalah kemudiannya kearifan itu dikongsi kepada orang lain. Dalam konteks lisan, perambaan pastilah menyimpan khazanah kearifan pengetahuan pendukungnya. Hanya yang benar-benar menghayati dan memahami secara mendalam inti perambaan mampu menarik keluar maksud sebenar yang disirat dalam baris-baris perambaan itu. Cara orang-orang Bajau mengungkap *perambaan* bertujuan untuk menegur dan menjelaskan sesuatu perkara kepada seseorang namun, teguran itu dilakukan secara berlapik agar individu yang ditegur tidak terasa hati atau tersinggung. Berkemungkinan sahaja jika, individu berkenaan kurang mengetahui *perambaan* maka, dia akan berfikir tentang bait-bait perambaan itu secara mendalam. Cara sedemikian, secara tidak langsung memberi pengajaran halus kepada setiap anggota sama ada yang ditegur mahupun yang mendengar. Misalannya, perambaan "*tuturan lanjang, belanga iram*" – bermaksud, seseorang yang suka mengata atau memburukkan orang lain sedangkan dirinya sendiri juga sama. *Perambaan* itu secara tersirat merupakan satu bentuk teguran, yakni dengan mengambil *lanjang* (kuali) belanga yang kedua-duanya digunakan di dapur sebagai peralatan memasak. Pada zaman dahulu, orang-orang Bajau memasak di atas tungku kayu api yang mengakibatkan kuali dan belanga menjadi hitam. Dengan pemerhatian dan ibarat yang diambil maka, kedua-dua alat itu memperlihatkan keadaan serupa, iaitu hitam dan kotor khususnya di bahagian bawahnya. Lantas pencipta *perambaan* menggunakan misalnya itu untuk disamakan dengan perilaku negatif manusia yang suka mengutuk dan mengata orang lain. Hal sedemikian memperlihatkan ketajaman pemikiran dan daya imaginasi tinggi yang membolehkan peralatan-peralatan itu dikaitkan dengan perangai manusia.

Orang-orang Bajau juga gemar menggunakan haiwan sebagai kias ibarat. Lagak setiap haiwan digunakan sebaiknya untuk dikaitkan dengan peol manusia. Misalnya *perambaan* berikut, "*uwa'ngumania' ngeket*" dan "*kuro-kuro enjata' kayu*". Kedua-dua perambaan tersebut memaparkan mesej-mesej tersembunyi yang cuba disampaikan secara halus. Lagak haiwan seperti anjing sesuai disasarkan kepada

manusia yang suka berbuat bising atau manusia yang suka mengadu. Aduan-aduan yang tidak penting kadang kala merimaskan telinga yang mendengar. Justeru, penggunaan *perambaan* "*uwa'ngumania' ngeket*" - anjing menyalak tidak menggigit merujuk langsung kepada manusia yang sifatnya sedemikian, yakni dengan lain perkataan sebaiknya manusia di sekeliling yang mendengar aduan-aduan itu mengabaikannya sahaja. Demikian juga dengan perambaan "*kuro-kuro enjata' kayu*" – yang merujuk kepada tindakan seorang yang bodoh dan tidak dapat diselesaikannya sendiri. Secara logiknya, tidak pernah seekor kura-kura memanjat pokok. Jika hal itu terjadi maka, itu adalah tindakan yang paling tidak pintar yang dilakukan oleh sang kura-kura. Apabila keadaan sedemikian disamakan dengan perilaku manusia maka, sudah tentu ia merupakan suatu kebodohan yang sengaja dicari dan tindakan itu tidak mampu diselesaikan oleh individu berkenaan.

Pencipta-pencipta *perambaan* dengan sengaja menggunakan alam dan sekitaran sebagai guru untuk dijadikan panduan. Alam tidak pernah gagal memberi ilham kepada pencipta-pencipta *perambaan* menyembunyikan kearifan dan nilai tradisi Bajau dalam bait-bait *perambaan*. Cara sedemikian memudahkan kepada penyampai dan pengguna *perambaan* untuk mengaitkannya dengan konteks yang sesuai, didengar dan sekali gus diterima oleh pendengarnya. Cara sedemikian juga menyebabkan *perambaan* mampu diturunkan kepada generasi berikutnya dengan penyampaian serupa. Sepertimana masyarakat lain di Asia, konsep menjaga hati itu juga terdapat dalam budaya Bajau maka, dengan perambaan konsep jaga hati sekali gus mampu digunakan tanpa perlu risau yang si pendengar akan tersinggung atau terasa hati.

RUMUSAN

Sehingga kini, pengkajian tentang peribahasa yang dimiliki oleh masyarakat di Sabah masih kekal sebagai bahan yang menarik apatah lagi pada era globalisasi yang sangat mementingkan kepesatan teknologi semata. Usaha pengupayaan dan pelestarian budaya tempatan menerusi penulisan bukanlah tugas mudah kerana kebanyakan tradisi lisan sudah dilupakan dan tidak lagi diamalkan dalam tuturan harian. Situasi serupa dihadapi oleh perambaan yang menuntut dedikasi tinggi daripada penuturnya untuk dipertahankan. Malangnya, arus pemodenan lebih kuat menyisihkan *perambaan*

daripada laluan penggunaannya. Justeru, penutur bahasa Bajau semakin kehilangan perambaan dalam inti interaksi mereka. Secara tidak langsung, keadaan itu juga turut menghilangkan kepentingan aspek nilai dan makna yang didukung oleh setiap perambaan itu.

Memandangkan hubungan antara nilai dan makna sememangnya terkandung dalam peribahasa khususnya, peribahasa yang menerapkan teori segi tiga makna yang dicetuskan oleh Odgen & Richard (1989). Disimpulkan dua perkara daripada perbincangan di atas, iaitu (i) setiap fenomena dan peristiwa yang terjadi dalam kehidupan bermasyarakat dijadikan sebagai suatu bentuk mesej dan tersembunyi di dalam ungkapan lisan; dan (ii) perspektif budaya merupakan sesuatu perkara yang dinamik sifatnya. Ia akan berubah seiring dengan peralihan zaman dan waktu. Perkara sedemikian menyebabkan lahirnya pergeseran antara makna realiti dengan makna konotasi dalam kehidupan pendukung budaya. Dengan mengetahui faktor-faktor tersebut, diharapkan seseorang dapat memahami sebuah peribahasa yang sarat akan nilai-nilai dan falsafah kehidupan, sosial, moral, serta budaya sehingga dapat ia difahami dan dijadikan sebagai pembentuk karakter diri manusia yang memahami dan mengetahuinya.

RUJUKAN

- Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2010. *Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Aripin Said. 1992. Peribahasa dan Pembangunan Masyarakat. *Pelita Bahasa* 12: 46-47.
- Aripin Said. 1993. Cerita dalam Peribahasa. *Pelita Bahasa* 3: 44-45.
- Bascom, William. 1965. The Forms of Folklore: Prose Narratives. *The Journal of American Folklore* 78(307).
- Chaer, Abdul. 2007. *Linguistik Umum*. Jakarta: Reneka Cipta.
- Djamaris, Edwar. 1985. Memahami dan menghargai peribahasa. *Dewan Bahasa* 29(5): 338-344.
- Djamaris, Edwar. 2002. *Pengantar Sastra Rakyat Minangkabau*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutaliba, Norma Saada & Nasariah Mansora. 2014. Domain Changes in defining darah (blood): An Analysis of communication style in Malay proverbs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155 (2014). Pp: 209- 214. The International Conference on Communication and Media 2014 (i-COME'14), 18-20 October 2014, Langkawi.
- Honigmann, John. J. 1959. *The World of Man*. New York: Harper & Brothers.
- Ibañez-Moreno, A. 2005. An analysis of the cognitive dimension of proverbs in English and Spanish: The conceptual power of language reflecting popular believes. *SKASE Journal of theoretical linguistics* 2(1): 42-54.
- Imran Ho. 2011. Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11(1): 125-141.
- Indrawati Zahid. 1998. Peribahasa Melayu: Satu Klasifikasi yang Tiada Penentu. *Dewan Bahasa* 42(11): 978-984.
- Jufrizal Zul Amri & Refnaldi. 2007. Hipotesis Sapir-Whorf dan struktur informasi klausa pentopikalan bahasa Minangkabau. *Jurnal Linguistika* 14(26): 1-22.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nuraskin Wan Ismail. 2016. Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(1): 31- 42.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lim Kim Hui. 2003. Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa. Phd Dissertation. Department of Austronesian Studies, The Asia-Africa Institute Faculty of Oriental Studies, University of Hamburg, Germany.
- Lokman Abdul Samad. 2004. Peribahasa Lambang Kesarjanaan Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 2(2): 91-106.
- Mieder, Wolfgang. 2004. *Proverbs. A Handbook*. Westport & Connecticut & London: Greenwood Publishing Group.
- Mohamad Radzi Salleh. 1999. *Peribahasa dalam Masyarakat Melayu Satu Analisis Pemikiran dan Cerminan Falsafah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2010. Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 10 (Edisi Khas): 158 - 172.
- Ogden, C.K & Richards, I.A. 1923 [1989]. *The Meaning of Meaning*. 8th ed. New York: Harcourt, Brace & World Inc.
- Pepper, Stephen C. 1958. *The Sources of Value*. Berkeley: University of California Press.
- Perry, R.B. 1954. *Realms of Value*. Cambridge: Harvard University Press.
- Poerwadarminta W.J.S. 1976. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Rokeach, Milton. 1979. *Understanding Human Values: Individual and Societal*. Washington: Free Press.
- Rosliah Kiting, Rosy Talin, Saidatul Nornis Mahali, Patricia Anak Ganing & Fara Humairah Binti Mohd. 2017. Pendidikan Melalui Siriban dan Impak Kepada Pembentukan Masyarakat Kadazandusun. *International Conference on Teaching and Learning*. Kuching. 3-4 April 2017.
- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud. 2009. Unsur Perlambangan dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Teori Relevans. *Jurnal Aswara*.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Mohd. Rasdi Samaah. 2013. Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online™, Journal of Language Studies* 13(1): 83-98.
- Slobin, D. I. 1996. From "thought and language" to "thinking for speaking". In. J. J. Gumperz, & S. C. Levinson (eds.). *Rethinking linguistic relativity*. Cambridge: University Press.

Soelaeman, M.I 1988. *Suatu Telaah tentang Manusia-Religi-Pendidikan*. Jakarta: Projek Pengembangan LPTK Dirjen Dikti.

Williams, Bernard. 1972. *Morality: An Introduction to Ethics*, Cambridge: Cambridge University Press.

Winick, S. David. 2003. Intertextuality and Innovation in a Definition of the Proverb Genre. In. W. Mieder (ed.). *Cognition, Comprehension, and Communication: a decade of North American Proverb Studies (1990-2000)*. Baltmannsweiler: Schneider Verlag Hohengehren.

Informan:

Pn. Elong Simboh (78 tahun)
Kampung Sembirai, Kota Belud

Pn. Sinom Ijun (73 tahun)
Kampung Sembirai, Kota Belud

Pn. Muaya Bidang (62 tahun)
Kampung Sembirai, Kota Belud

Pn. Metik Irang (61 tahun)
Kampung Sembirai, Kota Belud

Prof. Madya Dr. Saidatul Normis Hj. Mahali
Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
E-mail: saidatul@ums.edu.my

Diserahkan: 10 Januari 2019

Diterima: 26 Februari 2019